

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 FEB 2015

Abdul Harith (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Abdullah Mahmud sambil diperhatikan Jokowi, Najib dan Dr Mahathir di Pusat Kecemerlangan PROTON, Shah Alam, semalam.
[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]



PROTON bantu bangunkan kereta nasional Indonesia

BH-7/2/2015

» **Syarikat tawar kepakaran menerusi kerjasama dengan PT Adiperkasa Citra Lestari**

Oleh Magendran Rajagopal, Ahmad Fiesal Othman, Suhaila Shahrul Annuar dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

▸ **Subang Jaya**

Pengerusi PROTON, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata MoU itu satu kajian daya maju yang dijangka mengambil masa enam bulan akan dilakukan untuk meneroka bidang spesitik kerjasama antara kedua-dua syarikat, termasuk potensi pembangunan dan pengeluaran projek kereta terbabit di Indonesia.

Proton Holdings Bhd (PROTON) semalam memeterai memorandum persetahaman (MoU) dengan PT Adiperkasa Citra Lestari untuk membantu membangun dan mengeluarkan kereta nasional Indonesia.

Kerjasama bangunkan pelan
Beliau berkata, MoU itu ialah hasil perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Ra/ak dan Presiden Indonesia, Joko Wi-

dodo dan kedua-dua pihak juga akan membuat penilaian dan bekerjasama untuk membangunkan pelan untuk aktiviti penggunaan bahan tempatan untuk kereta berkenaan, kejuruteraan, reka bentuk, perkhidmatan logistik, kajian pasaran serta proses lain yang berkaitan.

"Kita perlu berusaha untuk merayakannya dan saya tidak dapat menjangka apa hasilnya. Yang pasti, Malaysia tidak akan kerugian wangdan kitajugaingin mendapatkan sesuatu daripadanya," katanya pada msylis me-

meterai MoU berkenaan di sini, semalam.

PROTON diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Datuk Abdul Harith Abdullah, manakala PT Adiperkasa Citra Lestari oleh CEO, Abdullah Mahmud Hendropriyono. Ia disaksikan Najib dan Widodo serta Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim dan Duta Indonesia ke Malaysia, Herman Prayitno.

Tak setuju terma ASEAN

Ditahamkan, projek itu awalnya dirujuk sebagai projek 'kereta ASEAN' tetapi berikutan keijaksanaan awal itu hanya dipelopori oleh Malaysia dan Indonesia, terma ASEAN mungkin tidak dipersetujui oleh negara anggota lain yang sudah terbabit dalam aktiviti pemasangan kenderaan.

Abdul Harith berkata, usaha sama itu baik kerana kedua-dua negara berganding bahu bagi membangunkan produk untuk pasaran yang lebih luas.

Beliau berkata, PROTON yang memiliki kemudahan, keupayaan dan pengetahuan teknologi dalam reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran kereta ialah satu-satunya syarikat di ASEAN yang mempunyai kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan tidak ada negara lain di rantau ini mempunyai projek kereta nasional melainkan hanya menyediakan perkhidmatan pengeluaran dan pemasangan.

"PROTON sentiasa bersedia membantu Indonesia dan manamana negara lain yang mahu membangun bersama kami," katanya.

Sementara itu, Abdullah Mahmud, berkata MoU berkenaan adalah pembangunan besar dalam industri automotif Indonesia dan kerjasama itu akan menawarkan peluang pekerjaan lbih besar kepada rakyat negara itu.